

MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS DI INSTITUT LATIHAN PENGURUSAN MATERIEL TUDM KINRARA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2854-majlis-pembukaan-kursus-di-institut-latihan-pengurusan-materiel-tudm-kinrara

KINRARA, 5 Jan 18 – Majlis pembukaan Kursus Pengurusan Material dan Pengendalian Gudang Siri 91/2018, Kursus Pengurusan Bahan Letupan Siri 28/2018 dan Kursus Juruteknik Materiel Siri 8/2018 telah berlangsung di auditorium Institut Latihan Pengurusan Materiel (INSMAT) TUDM Kinrara yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau mengingatkan supaya pelatih–pelatih dapat menjaga imej TUDM dengan baik, menimba ilmu bagi meningkatkan diri, menjadi warga yang berketrampilan, berkemahiran dan mempunyai nilai peribadi yang baik. Beliau juga mengingatkan supaya mematuhi peraturan INSMAT supaya tidak menjejaskan kursus yang dihadiri.

